

CNS6440

U GB 10 - 08 00163 BA141

b a h

Mahathir - Doktor

BANGI, 10 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan tidak dapat membayar gaji yang lebih tinggi kepada doktor seperti yang ditawarkan oleh swasta kerana itu bukannya cara bagi menyelesaikan perkhidmatan mereka ke sektor swasta.

Perdana Menteri berkata jika gaji doktor dinaikkan dan pihak swasta juga menawarkan gaji yang lebih lumayan, masalah itu tidak dapat diatasi. (Apabila) negara maju, ekonomi bertambah dan rakyat sanggup membayar khidmat doktor swasta dengan tinggi menyebabkan kekurangan doktor kerajaan, kata beliau kepada pemberita selepas mengiringi isterinya, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali menerima jubah kehormat Doktor Sains Perubatan sempena Konvokesyen Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ke-19 di sini hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kerajaan juga tidak mempunyai peruntukan yang tinggi untuk menaikkan gaji doktor.

Selain itu, katanya, jika gaji doktor dinaikkan, ia akan membawa implikasi iaitu kakitangan perkhidmatan awam lain akan juga menuntut kenaikan. -- Lagi

♥10/08/16-13MST

bah

Mahathir - Doktor 2 Bangi

Katanya bagi mengatasi masalah kekurangan doktor, kerajaan akan menambahkan bilangan mereka tetapi ramai penuntut di negara ini tidak berminat dengan bidang perubatan kerana ia memakan masa yang panjang untuk menamatkan pengajian itu.

+Mereka lebih suka memilih bidang profesional yang mudah mendapat ijazah menyebabkan keperluan bilangan doktor tidak dapat dipenuhi, katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata para penuntut harus sedia berkorban kepada rakyat dengan menyertai bidang-bidang yang kekurangan tenaga profesional seperti dalam bidang perubatan.

Katanya, kerajaan akan mengambi l doktor asing berkhidmat di negara ini secara salah satu langkah mengatasi kekurangan doktor.

Mengenai kebenaran kepada doktor awam berkhidmat dengan klinik swasta bagi menyekat perkhidmatan seperti itu, beliau berkata kerajaan masih lagi mengkaji hal itu.

Katanya kerajaan bercadang menambahkan lagi fakulti perubatan di negara ini bagi memberikan peluang kepada mereka yang ingin mengikuti kursus dalam bidang ini. -- Bernama

♥10/08/16-14MST

^
bah

Mahathir - Doktor 3 Bangi (sambungan berita)

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga membayangkan bahawa kerajaan tidak akan mewujudkan suruhan jaya khas bagi menjaga kepentingan dan keperluan universiti tempatan.

Katanya walaupun suruhan jaya ini diwujudkan bagi mengasingkan mereka dari pada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, peruntukan yang di salurkan bagi suruhanjaya ini masih lagi di sumbangkan oleh kerajaan.

Perdana menteri berkata demikian semasa diminta mengulas cadangan Naib Canselor Universiti Malaya, Prof. Taib Osman baru-baru ini supaya sebuah suruhan jaya khas diwujudkan bagi menjaga kepentingan dan keperluan universiti tempatan dan tenaga akademiknya bagi mengelakkan kakitangan akademik terutamanya para profesional, berhijrah ke sektor swasta untuk mendapatkan gaji yang lumayan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sekali pun suruhan jaya ini diwujudkan, kerajaan tidak sanggup menaikkan gaji doktor kerana akibatnya, kakitangan kerajaan yang lain pula terutamanya dalam bidang profesional, akan menuntut kenaikan gaji dan membuat perbandingan.

+Dalam kerajaan, kalau tangga gaji kakitangan kerajaan diusiki, ia akan melibatkan semua kakitangan kerajaan yang lain,+ kata beliau.

Seperti kesan daripada skim gaji guru yang dibahayakan kepada dua kategori, kerajaan menerima berpuluh-puluh tuntutan kenaikan gaji daripada kakitangan perkhidmatan lain yang berkehendakkan skim gaji mereka dinaikkan, kata beliau. - - Bernama

♥10/08/16-56MST